

Asean+3 sepakat kutuk Israel

Masyarakat antarabangsa ada alasan kukuh gesa PBB kuat kuasa gencatan senjata



Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman,
Azman Zakaria, Jamhariah Jaafar,
Wan Hazmir Bakar
dan Abdul Halim Yusof

KUALA LUMPUR: Asean+3 yang dianggotai 10 negara Asean serta China, Jepun dan Korea Selatan sepakat mengutuk serangan terancang terhadap pos pemerhati tentera Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Lubnan sehingga membunuh empat anggotanya dan menggesa Israel mengadakan gencatan senjata di Lubnan.

Mesyuarat ketujuh Menteri Luar Asean+3 semalam berpendapat masyarakat antarabangsa kini mempunyai alasan kukuh mendesak Majlis Keselamatan PBB menguatkuasakan gencatan senjata di Lubnan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mempengerusikan mesyuarat ketujuh Menteri-Menteri Asean+3, berkata tindakan melampau Israel di Lubnan sehingga membunuh anggota pemerhati PBB perlu dihentikan segera.

"Pengeboman oleh Israel bukan saja menyebabkan kematian dan kesengsaraan penduduk awam Lubnan tetapi PBB. Memang mudah menyatakan kekesalan selepas kejadian ini tetapi gesaan majoriti masyarakat antarabangsa supaya Israel menghentikan pengeboman Lubnan mesti dipatuhi.

"Israel bukan saja melawan Hizbullah tetapi Lubnan. Ia menghancurkan negara itu serta menyerang pertubuhan antarabangsa seperti PBB sehingga menyebabkan kematian," katanya di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) semalam.



TETAMU PENTING: Syed Hamid Albar (tengah) meraihak perwakilan Persidangan Asia Timur (EAS) pada majlis makan tengah hari sempena Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-39 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama Setiausaha Agung Asean, Ong Keng Yong.

Sambil mengucapkan takziah kepada keluarga mereka yang terkorban, Syed Hamid berkata, Asean+3 menggesa semua pihak mengelakkan pertumpahan darah orang awam dan harta benda serta infrastruktur awam. Empat anggota pemerhati itu adalah dari Kanada, Finland, Austria dan China.

Anggota Asean+3 juga meminta Israel dan Palestin kembali kepada proses perdamaian dan mematuhi pelan damai Resolusi 1515 Majlis Keselamatan PBB. Israel juga diminta mengiktiraf kedaulatan dan kemerdekaan Lubnan seperti yang terkandung dalam Resolusi Majlis Keselamatan PBB 1664 dan 1680.

Mengenai kenyataan Menteri

Luar Australia, Alexander Downer supaya kerajaan Lubnan mengambil alih keselamatan di selatan negara itu dan bukannya hanya Israel menghentikan serangan, Syed Hamid menegaskan suasana sekarang jelas menunjukkan Israel penakluk yang mengancam kedaulatan Lubnan.

"Bagaimana mereka menjustifikasi kehadiran mereka dalam negara asing untuk mengawal keselamatan negara mereka. Hak mempertahankan diri memang ada tetapi ia tidak mencakupi tindakan ketenteraan melampau terhadap orang awam, sebaliknya ada peraturan dan prosedur yang perlu dipatuhi.

"Mereka (Israel) patut mengundurkan diri dari wilayah Lubnan dan

"Hak pertahankan diri memang ada tetapi ia tak mencakupi tindakan ketenteraan melampau terhadap orang awam, sebaliknya ada peraturan, prosedur perlu dipatuhi"

Syed Hamid Albar
Menteri Luar

tanggungjawab menjaga keselamatan Lubnan diberikan kepada rakyat Lubnan. Jika mereka tidak ada keupayaan, maka pasukan pengaman PBB patut dihantar ke sana, bukannya mengikut kehendak Israel," katanya sambil menambah keadaan di Asia Barat pasti dibincangkan pada Forum Serantau Asean (ARF) yang bermula hari ini.

Katanya, Amerika Syarikat mesti menggalakkan rejim itu menghentikan semua pengeboman terhadap Lubnan dan Palestin.

Ditanya reaksi terhadap kesanggupan Asean menyediakan kemudahan untuk rundingan enam negara berhubung isu Semenanjung Korea, Syed Hamid berkata, tiada negara membantah.